

# Pelaburan dibawa masuk kukuhkan ekonomi negara

PM tegaskan Malaysia rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah pada 2024

Daripada Syarifah Dayana Syed Bakri  
davana@mediaprima.com.my

di Hanoi, Vietnam



Anwar bersama Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh pada sesi soal jawab di Forum Masa Depan Asean 2025 di Hanoi, semalam. Foto bernama)

Sebagai sebuah negara dagang, pelaburan luar yang dibawa masuk berupaya menyelesaikan beberapa masalah selain mengukuhkan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata tanpa pelaburan dibawa masuk, mungkin menyebabkan beberapa masalah tidak dapat diselesaikan.

"Pelaburan yang diperoleh dapat membantu menyelesaikan beberapa perkara antaranya (menyediakan) peluang pekerjaan dan ia membantu meningkatkan keupayaan ekonomi negara.

"Alhamdulillah kita catat satu lagi pertumbuhan paling tinggi dalam sejarah. Pencapaian ini sangat kritikal bagi kita.

"Pelaburan daripada beberapa syarikat asing seperti Infineon, Microsoft dan Google dengan sendirinya dapat membina jaringan tenaga muda yang sebahagianya dilatih oleh syarikat ini.

"Malah, universiti kita juga perlu membuat penyesuaian (kursus ditawarkan) seperti kecerdasan buatan (AI), ketersambungan dan teknologi makanan," katanya pada sidang media pada akhir lawatan kerja beliau ke Vietnam, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas mengenai pencapaian Malaysia merekodkan pelaburan diluluskan tertinggi dalam sejarah negara, mencecah RM378.5 bilion pada 2024.

Ia meningkat 14.9 peratus dari tahun ke tahun dan jumlah pelaburan itu menjangkau 6,700 projek merentas sektor utama.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) berkata, jumlah pelaburan itu dijangka mewujudkan lebih 207,000 pekerjaan baharu, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama.

Walaupun menghadapi cabaran

ekonomi global yang berterusan, Malaysia terus menarik pelaburan yang besar, dengan pelaburan domestik (DI) menyumbang RM208.1 bilion (55 peratus) dan pelaburan asing (FI) menyumbang RM170.4 bilion (45 peratus).

Keyakinan pelabur asing di Malaysia kekal sangat kukuh, dengan pelaburan strategik datang daripada lima negara utama iaitu Amerika Syarikat (AS) mendahului dengan RM32.8 bilion, diikuti Jerman (RM32.2 bilion), China (RM28.2 bilion), Singapura (RM27.3 bilion) dan Hong Kong (RM7.4 bilion).

Perdana Menteri berkata, walaupun ada pihak yang menegur mengenai siri lawatan beliau ke luar negara tahun lalu yang dikatakan menelan belanja besar, beliau berkata, itu adalah untuk tujuan kerja.

"Perlukah saya terus berkunjung ke luar negara? Ada yang tegur kerana banyak sangat (perbelanjaan).

"Kita sampai di hotel dan terus adakan pertemuan, hadirinya mesyuarat bilateral. Itu tugas kita. Selepas selesai terus balik.

"Saya tidak ambil satu hari untuk main golf," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, terdapat beberapa perancangan kunjungan pemimpin luar ke Malaysia dalam masa terdekat.

"Kita akan terima kunjungan dari Afrika Selatan pada April nanti. Selain itu, Presiden China, Xi Jinping juga akan berkunjung ke Malaysia.

## Hadapi cabaran geostrategik

Sementara itu, berucap pada ucapama Forum Masa Depan ASEAN 2025 di sini, semalam, Perdana Menteri berkata ASEAN perlu membina ekosistem rantaian bekalan yang teguh dan berdaya tahan di rantau ini un-

tuk menghadapi cabaran geostrategik terutama akibat pengenalan tarif yang baru dikenakan Amerika Syarikat (AS) dan tarif balas oleh negara terbabit.

Katanya walaupun sesetengah pihak mungkin berpandangan ASEAN boleh meraih manfaat apabila rantaian bekalan global diselaraskan semula, realitinya jauh lebih kompleks dan sukar untuk dilaksanakan.

"Persoalannya kekal sama, bolehkah ASEAN benar-benar memanfaatkan perubahan ini, atau adakah kita akan terperangkap dalam persaingan kuasa besar?"

"Dalam apa juga keadaan, kita perlu memastikan bahawa sebarang keuntungan daripada pelaburan dan perdagangan diagihkan secara adil dalam kalangan negara anggota dan tidak menjejaskan lagi jurang sedia ada," katanya.

Perdana Menteri berkata, blok 10 negara anggota ini perlu menerima pakai model baharu integrasi perdagangan seiring dengan trend global ke arah kelestarian alam sekitar.

"Jurang pembangunan ekonomi di seluruh rantau kita amat ketara. Sebagai contoh, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita bagi sesetengah negara anggota ASEAN adalah lebih 34 kali ganda daripada yang lain. Ini adalah satu cabaran yang mesti kita tangani secara kolektif.

"Kita perlu komited untuk memastikan bahawa tiada negara dalam ASEAN yang ketinggalan dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri turut menyertai perbincangan panel bersama Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh; Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon dan Presiden Timor Leste, Jose Ramos-Horta.